

MATA WANG TAK DIKTIRAF

Perniagaan mata wang digital tidak dilindungi piawaian institusi kewangan

Oleh Amir
Abd Hamid dan
Muhammad Saufi
Hassan
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mata wang kripto tidak diiktiraf sebagai mata wang sah diperlakukan (*legal tender*) dan individu yang melabur dalam mata wang itu perlu tahu risiko dihadapi.

Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan bahawa orang ramai diingatkan mata wang digital tidak sah diperlakukan di negara ini.

Sehubungan itu, perniagaan mata wang digital tidak dilindungi oleh piawaian atau pengaturan kehematan dan amalan pasaran yang terpakai pada institusi kewangan dikawal selia oleh bank.

Menerusi kenyataan, BNM menyatakan bahawa ia selaras dengan obligasi pelaporan semasa yang digunakan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Amla) terhadap institusi pelapor lain seperti firma undang-undang atau perakaunan serta ejen harta tanah yang tidak

ANGGARAN KOS PEMBINAAN SATU MESIN PERLOMBONGAN DENGAN BEBERAPA UNIT PEMROSES GRAFIK BERPRESTASI TINGGI

- 1 Papan induk**
Sebarang jenama dengan cip pemproses Intel LGA 1200
RM500-RM1,000
(harga lebih tinggi untuk papan induk prestasi tinggi)
- 2 Pemproses**
Intel Core i5-i7
RM600-RM1,500
- 3 Storan SSD**
M.2 NVMe 512GB
RM500
- 4 Memori (RAM)**
RAM modul binaan DDR4 32GB
RM600
- 5 Unit Pemproses Grafik**
Sebarang jenama prestasi tinggi
RM1500 (satu unit)
- 6 Binaan rumah**
Binaan sendiri memuatkan pelbagai perkakas
RM600
- 7 Bekalan kuasa**
Punca kuasa lebih 1200W
RM600



- Mesin 'mining' dimuatkan dengan mana-mana sistem operasi
- Pemasangan sistem komputasi kripto untuk melaksanakan tugas penyelesaian
- Mesin kripto perlu dihidupkan 24 jam tanpa henti
- Mesin berkenaan akan mencari rantaian blok (blockchain) untuk diselesaikan secara maya
- Setiap penyelesaian 'pengiraan komputasi maya' itu, pelombong akan memperoleh ganjaran berupa bitcoin
- Bitcoin terkumpul akan disahkan menerusi kod unik kepada identiti pengguna

INFOGRAFIK Metro

tertakluk di bawah kawal selia bank.

"Ini bertujuan memastikan langkah berkesan dilaksanakan bagi menangani risiko perubahan wang haram/pembiayaan keganasan yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital dan meningkatkan ketelusan aktiviti mata wang digital di Malaysia.

"Dasar yang dicadangkan ini menggariskan obligasi undang-undang, keperluan dan piawaian yang akan ditakrifkan di bawah Jadual Pertama



JUTAWAN KRIPTO
CURI ELEKTRIK UNTUK KAYA

LAPORAN Harian Metro, semalam.

Amla yang perlu dilaksanakan oleh penukar mata wang digital sebagai institusi

Pemantauan berterusan elak kerugian

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mula mengesan sindiket perlombongan mata wang kripto (bitcoin) hasil daripada pemeriksaan dan pemantauan pasukan khas syarikat itu untuk menangani kes kecurian elektrik serta maklumat yang diterima daripada pihak awam sejak beberapa tahun lalu.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Datuk Ir Baharin Din berkata, hasil usaha berterusan mengesan aktiviti perlombongan mata wang digital bersama Suruhanjaya Tenaga (ST) dan bantuan yang diberikan pihak berkuasa tempatan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM, TNB berjaya mengelakkan kerugian akibat kes kecurian elektrik setiap tahun.

"Namun, TNB sentiasa melakukan pemeriksaan bagi mengenal pasti premis yang terbabit dalam kes kecurian elektrik melalui pemeriksaan berkala, pemeriksaan

tidak berkala kerjasama daripada Suruhanjaya Tenaga (ST), PDRM dan aduan awam.

"Mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, pihak yang dibuktikan bersalah mencuri elektrik dikehendaki membayar ganti rugi kepada TNB atas kehilangan hasil pendapatan dan perbelanjaan berkaitan.

"TNB menasihati pemilik premis supaya mendapatkan bekalan elektrik dengan cara sah iaitu mendaftar akaun sebagai pengguna TNB atau pemegang akaun TNB," katanya.

Pada masa sama, menurut beliau, kegiatan mengambil bekalan elektrik secara haram untuk aktiviti mata wang kripto menjejaskan sistem bekalan elektrik di lokasi sekitar.

"Ia juga membahayakan pelbagai sistem pemasangan yang dipasang oleh TNB," katanya.

yang berkaitan supaya orang ramai memahami dan menilai dengan lebih baik mengenai risiko berkaitan penggunaan mata wang digital," katanya.

BNM menyatakan, ketelusan yang lebih tinggi juga akan mencegah penggunaan mata wang digital dalam aktiviti jenayah atau yang menyalahi undang-undang.

"Orang ramai dinasihati untuk menilai dengan teliti risiko berkaitan dengan urus niaga dalam mata wang digital.

"Ini termasuk risiko yang berpunca daripada turun naik harga yang ketara, ketiadaan pasaran yang dalam dan mudah terdedah terhadap serangan siber yang boleh menyebabkan kerugian ketara.

"Pengguna mata wang digital juga tidak akan dilindungi di bawah pengaturan penyelesaian pertikaian mapan disediakan untuk institusi kewangan yang dikawal selia sekiranya berlaku apa-apa pertikaian atau kerugian," katanya dalam satu kenyataan.

pelapor.
"Ini termasuk obligasi ketelusan bertujuan memberikan maklumat